

Info Mangga



1. Nama Biasa Mangga atau mempelam
2. Nama Saintifik *Mangifera indica L.*
3. Keperluan Asas Faktor Iklim Iklim Tropika dan subtropika, suhu optimum 24°C - 27°C, taburan hujan di antara 750 mm-2500 mm setahun.
 Faktor Tanah Toleran terhadap pelbagai jenis tanah

Faktor-faktor Tanah dan Kesesuaian Untuk Tanaman Mangga

Sifat Tanah		Sesuai	Marginal
1	Kecerunan	0 - 12 darjah	12 - 25 darjah
2	Saliran	Tak sempurna salir-salir	Agak sangat salir
3	Kedalaman Tanah	75 cm atau lebih	50 - 75 cm
4	Struktur dan Tekstur	Berstruktur halus hingga sedang, sederhana hingga baik, tekstur lom berpasir atau lebih halus.	Struktur lemah dan kasar
5	Saliniti	1 mmhos atau kurang	2 mmhos
6	Kedalaman ke lapisan asid sulfat	125 cm atau lebih	100 - 125 cm
7	Ketebalan lapisan gambut	Tiada gambut	sehingga 25 cm tebal
8	Kandungan batu	Sehingga 25% dan tersebar rata atau terdapat lebih dalam 75 cm	25 - 75%
9	Ketidakeimbangan zat-zat pemakanan	Tidak terdapat unsur-unsur mikro dalam jumlah yang berlebihan atau keupayaan menyimpan zat-zat makanan yang rendah.	Kekurangan zat-zat tertentu
10	pH	5.5 - 7.5	7.5

- 4. Amalan Kultur**
- 4.1 Pemilihan Kawasan
- Mangga sesuai ditanam di kebanyakan tanah.
 - Kecerunan pada tanah berbukit < 20°.
 - Pemilihan kawasan yang mempunyai iklim yang panas dan dalam keadaan yang kering selama 1 1/2 hingga 2 bulan adalah perlu untuk pengeluaran bunga dan buah.
- 4.2 Penyediaan Kawasan
- Pembersihan kawasan menggunakan jentera atau tenaga manusia.
 - Pokok-pokok yang telah ditebang dilonggokkan dan dimusnahkan.
 - Kawasan yang telah dibersihkan hendaklah dibajak.
- 4.3 Penyediaan Benih Tanaman
- Dibiakkan dengan kaedah mata tunas atau baji.
 - Biji benih dirawat dengan racun kulat dan disemai di dalam kotak semaian yang berisi pasir halus dari sungai.
 - Anak-anak pokok penanti boleh diubah ke dalam polibeg setelah berumur 4 – 5 minggu.
 - Media tanah campuran ialah 7:3:2 atau 5:2:1 (tanah: baja organik: pasir).
 - Siraman dilakukan setiap hari, kawalan rumpai secara manual, racun kulat diberikan jika perlu dan pembajaan menggunakan baja kima dan diselangi dengan baja organik.
 - Kerja-kerja cantuman dibuat setelah pokok penanti berusia 4 – 5 bulan.
- 4.4 Sistem penanaman
- Penanaman Campuran Klon
 - Penanaman Klon Tunggal

Sistem dan Kepadatan Tanaman Mangga

Jarak tanaman (m)	Sistem penanaman	Bil. pokok per hektar
9 X 9	empat segi	123
9 X 9	tiga segi	138
7.5 X 7.5	empat segi	172
7.5 X 7.5	tiga segi	200


Program Pembajaan Tanaman Mangga

Peringkat Pertumbuhan	Umur Pokok (Tahun)	Jenis Baja Sebatian (N:P:K:Mg)	Kadar Baja kg/Pokok/Tahun	Masa Membaja/Cara
Masa Menanam	Pembajaan Asas	CIRP Baja Organik	0.2 10	Dimasukkan ke dalam lubang dan gaul bersama tanah atas
Tumbesaran	1 2 3	15:15:15 atau 14:13:19:2 atau 15:15:6:4 Baja Organik	1.0 10 - 15	Bahan organik ditabur dan digaul di permukaan tanah, di pangkal pokok sekali setahun. Baja sebatian ditabur secara/poket di bawah julai daun 3 - 4 kali setahun.
Berbuah	4 5 6 7 >8	12:12:7:2+TE atau 12:6:22:3 atau 13:13:20:2+TE Baja Organik	2.0 2.5 3.0 4.0 4.0 15 - 40	Baja sebatian ditabur 3 - 4 kali setahun Bahan organik ditabur dan digaul di permukaan tanah, di pangkal pokok sekali setahun.


Pemangkasan

- Pemangkasan pembentukan

Gambar rajah: Pemangkasan pembentukan



Gambar rajah: Pemangkasan penjagaan



Kadar Keperluan Pengairan Untuk Tanaman Mangga

Peringkat tumbesaran	Umur pokok	Kadar (liter/pok./hari)
Peringkat awal	1 - 2 tahun	8 - 10
Peringkat tampang	4 - 6 tahun	32 - 38
Peringkat matang	0 - 15 tahun	80 - 97

Penjarangan dan Pembungkusan Buah

- Buah mangga biasanya dibungkus pada peringkat 40 – 45 hari selepas berputik.
- Selepas membungkus, mangga perlu disembur dengan racun serangga dan racun kulat yang disyorkan.
- Setiap beg bungkusan dikhaskan untuk membungkus sebiji buah sahaja walaupun terdapat beberapa buah dalam satu tangkai.
- Beg-beg perlu diberi tanda dengan warna-warna yang berbeza bagi memudahkan pemetikan kerana pembungaan berlaku secara berperingkat-peringkat dan ini menyebabkan kematangan buah juga berlaku berperingkat-peringkat.

5. Penggredan

Klasifikasi	Berat buah (g)
Berat	> 500
Sederhana	350 -500
Kecil	< 350

6. Aliran Kewangan (Cash Flow)

